

03 APR 2001

RRJP3-Reaksi

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG DAPAT SOKONGAN

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Dasar Wawasan Negara yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini mendapat reaksi positif.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata RRJP3 meletakkan landasan kukuh kepada negara untuk mencapai Wawasan 2020.

Katanya RRJP3 memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi yang berteraskan kepada bidang-bidang strategik yang menitikberatkan produktiviti, penggunaan Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) serta mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama.

Mengulas mengenai penglibatan Bumiputera dalam pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang tahun 2010, Najib berkata kesan masalah kewangan yang berlaku dua tahun lalu menyebabkan pencapaian Bumiputera berada pada tahap 19.1 peratus.

Harapan kerajaan ialah untuk melihat pemilikan Bumiputera dalam sektor korporat tanpa menjejaskan kepentingan kaum lain, katanya kepada pemberita di ruang legar Parlimen.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata beliau amat berpuas hati dengan RRJP3 kerana ia menjaga kepentingan semua kaum di negara ini.

Mengenai cadangan meningkatkan ekuiti kaum India, katanya beliau berharap apa yang dirancangkan itu dapat dicapai dalam tempoh sepuluh tahun ini.

"Mungkin kita akan capai dengan melalui bantuan Permodalan Nasional Berhad (PNB) ataupun pembelian saham-saham yang dikhaskan untuk kaum India," katanya.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad pula berkata untuk menjayakan rancangan sepuluh tahun ini, kementerian akan berusaha memastikan bahawa guru-guru di sekolah menengah adalah guru berijazah.

"Kita sedang kaji cadangan untuk memartabatkan lagi profesion perguruan itu terutamanya guru berijazah. Bagi guru berijazah yang mengajar di sekolah rendah, mungkin kita akan adakan ganjaran-ganjaran yang setimpal ataupun tugas-tugas yang berlainan daripada guru biasa," katanya.

Mengenai perubahan yang mungkin dilakukan dalam tempoh sepuluh tahun ini, Musa berkata jika terdapat sebarang perubahan, ianya tidak akan melibatkan sistem pendidikan, tetapi hanya perubahan dalam pengisian pendidikan dan bagaimana pendidikan itu akan ditadbirkan.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng menyifatkan OPP3 sebagai program yang berpandangan jauh.

Menjelang tamat tempoh OPP3, Malaysia akan mempunyai modal sumber manusia yang akan menjadi kebanggaan negara memandangkan sumber manusia telah dikenal pasti sebagai perkara penting bagi pencapaian OPP3.

"Inilah yang kita perlukan dalam setiap bidang termasuk farmasi dan perubatan bagi memastikan pembangunan pantas modal sumber manusia," katanya.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pula berkata, pembangunan Dasar Wawasan Negara itu perlu berteraskan kestabilan dan perpaduan rakyat dan tidak hanya memberi keutamaan kepada pembangunan negara secara fizikal.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid berkata penubuhan lebih banyak kolej komuniti di seluruh negara dalam tempoh 10 tahun ini dapat membantu golongan yang tercicir dari arus pendidikan formal, dilatih

dengan pelbagai kemahiran.

"Ini adalah satu cara kerajaan membantu masyarakat luar bandar mendapatkan pendidikan dan kemahiran, dan sekaligus membantu kerajaan mengisi keperluan tenaga mahir," katanya.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Wira Mohamad Ali Rustam berkata sasaran dasar pembasmian kemiskinan perlu lebih agresif dalam mencapai matlamat negara maju menjelang tahun 2020 selain memastikan matlamat negara memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Katanya, penekanan terhadap maklumat, komunikasi dan teknologi (ICT) juga adalah untuk memastikan negara mampu melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang berkenaan selain mampu mengisi keperluan tenaga kerja di masa depan.

Di IPOH, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata kerajaan negeri akan mengambil langkah-langkah pro-aktif melaksanakan pelbagai program dan projek pembangunan yang selaras dengan kehendak RRJP3.

Ini khususnya bagi membangunkan masyarakat luar bandar agar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan yang berasaskan k-ekonomi, katanya dalam satu kenyataan.

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Perak (DPMMPk) berkata rancangan kerajaan untuk mewujudkan zon perindustrian khas bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bertepatan dengan masanya.

Yang Dipertua DPMMPk, Muhammad Muhiyuddin Abdullah berkata pelaksanaannya perlu disegerakan bagi memastikan ianya dapat mempergiat dan mempertingkatkan penglibatan usahawan kecil dan sederhana.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein pula berkata RRJP3 akan memastikan golongan belia dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran bagi membolehkan mereka mengharungi cabaran pembangunan ekonomi dan globalisasi.

"Kemahiran menguasai teknologi maklumat, keusahawanan, pengurusan dan bidang-bidang baru akan dipertingkatkan," katanya di dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Kementerian Belia dan Sukan katanya, akan memastikan golongan belia dibimbing dalam usaha pembentukan sikap dan nilai peradaban mulia termasuk menghormati dan menghargai golongan tua, pemimpin, ibu bapa dan guru selain medaulatkan undang-undang.

Selain pembangunan belia, beliau berkata, sektor sukan juga diberi tumpuan dalam RRJP3 dengan komitmen untuk terus membangunkan kesemua sukan berprestasi tinggi dan sukan untuk semua.

Katanya pembinaan kemudahan sukan akan diteruskan bertujuan menyediakan prasarana penganjuran kejohanan antarabangsa sekaligus meningkatkan pertumbuhan pelancongan sukan.

-- BERNAMA

HK MHI AZZ RI